



KOPERASI KOPERKASA SARAWAK BERHAD

NO. PENDAFTARAN 194967400004

Kepada:

Para Anggota yang dihormati

PER: NOTIS MESYUARAT AGUNG KAWASAN 3 BAGI TAHUN 2026

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa **MESYUARAT AGUNG KAWASAN 3** bagi Tahun 2026 Koperasi Koperkasa Sarawak Berhad (KOPERKASA) akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Tarikh : 12 April 2026 (Ahad)
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Level 5, Hotel Imperial, Miri

AGENDA MESYUARAT

1. Ucapan Pengerusi KOPERKASA;
2. Melantik Pengerusi Mesyuarat dan Setiausaha Mesyuarat;
3. Mengesah Minit Mesyuarat Agung Kawasan Tahun 2024;
4. Memilih Wakil-Wakil ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Yang Ke- 72 & Ke- 73;

JUMLAH PERWAKILAN	KEKOSONGAN DIPILIH
14	14

5. Membentang Draf Akaun bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember, 2025;
6. Memaklumkan Cadangan Pembahagian Keuntungan Bersih Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember, 2025;
7. Membentang Anggaran Belanjawan Tahunan seperti berikut:-
 - (a) Anggaran Belanjawan Bagi Tahun 2026;
 - (b) Anggaran Belanjawan Bagi Tahun 2027;
 - (c) Anggaran Belanjawan Bagi Tahun 2028;
8. Membentang Cadangan Pindaan Undang-Undang Kecil Koperasi dan aturan aktivitinya, jika ada;
9. Membentang Usul-Usul dan Cadangan yang disampaikan kepada Setiausaha tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat;
10. Pengumuman Wakil-wakil ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-72 dan Ke-73;

Dengan Perintah Anggota Lembaga
KOPERASI KOPERKASA SARAWAK BERHAD



(AHMAD BIN MALIE JBK, PBK, PPS)

Setiausaha

s.k: Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Negeri Sarawak

Tarikh: 9 Mac 2026

MAKLUMAN KEPADA ANGGOTA YANG HADIR

PENDAFTARAN KEHADIRAN

1. Sila bawa MyKad atau kad Anggota atau lesen memandu bergambar untuk tujuan pendaftaran kehadiran. Anggota yang tidak membawa mana-mana kad-kad tersebut tidak akan dibenarkan untuk mendaftar;
2. Setiap anggota hanya dibenarkan menghadiri satu mesyuarat kawasan sahaja;
3. Hanya anggota yang memiliki sekurang-kurangnya satu (1) unit syer (RM100) selewat-lewatnya pada 28 Februari 2026 sahaja yang layak hadir dan mengundi semasa Mesyuarat Agung Kawasan.
4. Masa Mula Pendaftaran : 8.00 pagi
Masa Tutup Pendaftaran : Tepat jam 1.00 petang

PENGUNDIAN

Masa Tutup Pengundian : 2.00 petang

Nota:

Minit Mesyuarat akan diedarkan melalui QR Code semasa pendaftaran. Walau bagaimanapun, jika anggota hendak mendapatkan minit tersebut lebih awal, minit boleh didapati di pejabat KOPERKASA yang terdekat.